

# Andalusia tawar pakej umrah Rahmah serendah RM5,590

KOSMO 11/7/2023 M/S: 7

**PETALING JAYA** – Syarikat pengendali umrah dan haji, Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. (Andalusia) menawarkan pakej umrah serendah RM5,590 menerusi Pakej Rahmah 1.0 bermula bulan ini sehingga April tahun depan.

Tawaran itu diperkenalkan setelah memeterai memorandum persefahaman (MoU) buat julung kali bersama penerbangan kos rendah pertama (LCC) dan terbesar di Timur Tengah serta Afrika Utara, Air Arabia bernilai RM15 juta.

Pengarah dan Penasihat Undang-undang Andalusia, Ida Riswana Idris berkata, menerusi MoU itu, hampir 5,000 tempat duduk ditawarkan pihaknya menerusi penerbangan Air Arabia yang bernilai hampir RM15 juta.

Menurut beliau, pihaknya menyasarkan seramai 300 jemaah umrah bagi satu musim dan tempat duduk bagi bulan ini dan Ogos untuk Pakej Rahmah 1.0 telah habis dijual, manakala 50 peratus tempat duduk untuk September telah ditempah.

“Pakej Rahmah 1.0 di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini hampir sama dengan pakej ekonomi Andalusia, cuma pakej ini hanya untuk mereka yang pertama kali

mengerjakan umrah.

“Selain itu, melalui kerjasama bersama Air Arabia yang menjual tiket harga mampu milik, Andalusia dapat mengurangkan kos pakej umrah sehingga serendah RM6,990 sahaja.

“Kami percaya Air Arabia bakal pesat membangun di rantau Asia tidak lama lagi kerana perkhidmatannya menjangkau 170 destinasi di 50 buah negara di seluruh dunia,” katanya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Penerbangan Air Arabia Bagi Musim Umrah 1445H di Hotel Seri Pacific, di sini, semalam.

Jelasnya, Pakej Rahmah 1.0 berkenaan dibuka pada bulan-bulan tertentu iaitu ketika tiada penerbangan penuh dilakukan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Andalusia, Ibrahim Mat Sin berkata, dalam program CSR lain, Andalusia turut menaja kira-kira 500 asnaf setiap musim dalam usaha merealisasikan impian mereka menjalankan ibadah umrah di Tanah Suci secara percuma.

Namun katanya, pemilihan bagi tajaan 500 asnaf itu sangat ketat dan dibuat pihak berkuasa seperti Pejabat Agama Daerah, pertubuhan bukan kerajaan



**IDA RISWANA** (dua dari kanan) bertukar dokumen dengan Pengurus Negara Air Arabia, **Norazura Zaimi** (dua dari kiri) pada Majlis Menandatangani Perjanjian Penerbangan bagi musim umrah di Kuala Lumpur, semalam.

(NGO) dan Kementerian Pelancongan bagi menyaring mereka yang benar-benar layak sahaja.

“Antara syaratnya adalah pendapatan bawah RM800, berusia 60 tahun ke atas, belum pernah

menunaikan umrah selain anak-anak tidak mampu.

“Kebanyakan golongan asnaf yang dapat, mereka memang terkejut sebab tidak pernah memohon apa-apa. Sememang-

nya pemilihan itu bukan daripada pihak Andalusia sendiri. Ini merupakan satu hadiah istimewa dan berharga buat mereka daripada pihak Andalusia,” katanya.